



Ruj. Kami: PSUKPP.MMK.10.700/013(91) SC
Tarikh : 19 November 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' / Tuan,

PELANJUTAN PENGECUALIAN FI HOTEL BAGI TEMPOH ENAM BULAN SEHINGGA BULAN JUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Mesyuarat MMK pada 11 November 2020 telah memutuskan untuk **melanjutkan** pengecualian Fi Hotel **bagi tempoh enam bulan dari 1 Jan 2021 sehingga 30 Jun 2021.**

3. Untuk makluman Dato' / Tuan, pelanjutan ini adalah berikutan pengecualian Fi Hotel yang berkuatkuasa dari 1 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2020 dalam usaha menyokong sektor perkhidmatan pasca Covid-19.

4. Fi Hotel (dahulunya dikenali sebagai Fi Kerajaan Tempatan) adalah dikenakan pada kadar RM3/bilik/malam bagi hotel 4 dan 5 bintang, dan kadar RM2/bilik/malam bagi hotel 3 bintang dan ke bawah termasuk *dormitory*, hotel bajet, hostel dan rumah tumpangan.

5. Keputusan ini adalah seiring dengan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merangsang semula sektor pelancongan. Pengecualian ini juga bertujuan menyokong industri perhotelan dalam menyegerakan fasa pemulihan industri pelancongan.

6. Kerjasama daripada pihak Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Yang benar,

(YB YEOH SOON HIN)
EXCO Negeri Pulau Pinang
Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE)

- s.k. Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow**
Ketua Menteri Pulau Pinang
Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang
- s.k. YB Dato' Dr. Mohamad Farazi Bin Johari**
Pegawai Kewangan Negeri
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
- s.k. Encik Ooi Chok Yan**
CEO
Penang Global Tourism
chokyan@penangglobaltourism.com

SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Paras 17, KOMTAR
Jalan Penang
10675 Pulau Pinang
datukbandar@mbpp.gov.my

YBhg. Dato' Sr. Haji Rozali b. Hj Mohamud

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan Perda Utama
Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
datukbandar@mbsp.gov.my

Encik Raj Kumar

Acting Chairman
Malaysian Association Of Hotels (MAH) Penang Chapter
raj@thelighthotelpg.com

Encik Khoo Boo Lim

Naib Pengerusi
Malaysian Association Of Hotels (MAH)
boolim.khoo@gmail.com

YBhg. Dato' Lim Mee Lee

Pengerusi
Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA) / Penang Hoteliers Association
datolimmeelee@gmail.com